

# Kerajaan Diminta Isytihar 8 Februari Sebagai Hari Kelepasan Am

Oleh :  
WARTAWAN  
ERA BARU

**NEGARA** akan menyambut Hari Kemerdekaannya yang ke-50 pada 31 Ogos, 2007 depan ini dengan pelbagai upacara sedang di atur kerana hari tersebut telah di anggap sebagai Hari Keramat oleh pejuang-pejuang orang Melayu kerana pada hari tersebut Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) bebas dari terus di jajah oleh pihak asing. Maka hari tersebut sudah tentunya di tunggu-tunggu itu dengan penuh ke insafan, kegembiraan serta ke syukuran.

Orang yang utama memainkan peranan penting untuk menyakin dan melemahkan hati kerajaan British tidak lain dan tidak bukan ialah Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliau sanggup menggadaikan beberapa buah pintu kedai yang dimilikinya di Pulau Pinang untuk membiayai rombongan kemerdekaan ke London pada tahun 1956 untuk berte-

mu dan berbincang dengan wakil-wakil Kerajaan British.

Setelah menjalankan beberapa rundingan dengan mereka, akhirnya Tunku mengumumkan **Hari Kemerdekaan di Brinsford Kolej** di London dihadapan beratus-ratus penuntut Malaya dimana Tunku terus mendapat gelaran sebagai **Bapa Kemerdekaan**.

Justeru, sebagai mengenang dan menghormati jasa-jasa Tunku yang tidak ternilai kepada agama, bangsa dan negara, Kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, dirayu supaya mengisytiharkan 8 Februari, setiap tahun sebagai hari kelepasan am.

Ini adalah tepat sekali dan rakyat pasti akan setuju dengan keputusan tersebut apatah lagi rakyat negara yang merdeka ini telah mendapat segala nikmat darinya

selama ini. Bukan itu sahaja, rakyat terutama generasi muda akan dapat mengingat dan mengenali **Bapa Kemerdekaan** yang telah melepaskan kita dari belenggu penjajah beratus-ratus tahun lamanya.

Justeru, alangkah sesuai dan tepat masanya bagi Kerajaan mengumumkan 8 Februari setiap tahun sebagai **Hari Keputeraan Tunku** atau **Hari Bapa Kemerdekaan**.

**Komen :** *Diharapkan sangat ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO yang akan bersidang dalam masa terdekat ini akan membawa usul ini kepada pengetahuan Presiden UMNO kerana kita tahu Pak Lah amat menyanyangi dan menghormati Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa Tunku bersama kita.*



**TEPAT MASANYA...** umumkan 8 Februari setiap tahun sebagai Hari Keputeraan Tunku atau Hari Bapa Kemerdekaan.